

MATLAMAT KECERDASAN ROHANIAH MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

(The Goals of Spritual Intelligence as Perceived from Islamic Perspectives)

¹ ELMI BAHARUDDIN

² ZAINAB ISMAIL

¹ Fakulti Kognitif dan Pembangunan Manusia, Kolej Poly-Tech Mara, Kuala Lumpur, Malaysia

² Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Islam amat mementingkan kecerdasan yang seimbang dan komprehensif. Makalah ini adalah sebahagian dari penyelidikan yang dijalankan di Rumah Kebajikan Orang Tua yang berkaitan dengan kecerdasan rohaniah dalam Islam. Kajian ini menghuraikan matlamat kecerdasan rohaniah menurut perspektif Islam. Metodologi kajian ialah analisis kandungan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Kajian ini menekankan pembentukan teori secara induktif. Tinjauan literatur terhadap data kajian saintifik, jurnal, artikel, dokumen yang berkaitan dengan matlamat kecerdasan rohaniah dalam Islam yang dianalisis menggunakan bantuan Nvivo 8. Hasil kajian mendapati empat matlamat kecerdasan rohaniah iaitu taat kepada Allah, mengembalikan fitrah, menguatkan diri, menghargai masa dan rasa tanggungjawab. Matlamat kecerdasan rohaniah ini mampu melahirkan manusia yang seimbang antara rohaniah dan jasmaniah.

Kata kunci: Kecerdasan rohaniah; matlamat rohaniah; emosi

ABSTRACT

Islam is very concern about the importance of a balanced and comprehensive intelligence. This paper, which is part of research project conducted on elderly

Corresponding author: Elmi Bin Baharuddin, Fakulti Kognitif dan Pembangunan Manusia, Kolej Poly-Tech Mara, Kuala Lumpur, Malaysia, mel-e: elmi@gapps.kptm.edu.my

Diserahkan: 24 Jun 2014

Diterima: 16 Januari 2015

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2016-0801-11>

people at Charity Home, is intended to explain the concept of spiritual intelligence according to an Islamic perspective. This current study seeks to discuss spiritual intelligence goals from the point of view of Islamic scholars. Moreover, it employs a qualitative approach using Nvivo 8 to carry out a content analysis of scientific researches, journals and other relevant documents that are related to the goals of spiritual intelligence in Islam. In addition, the study also attempts to develop a theory inductively based on the finding. The study found that there are four goals of spiritual intelligence that is obedient to God, to restore nature, recuperate, appreciate the time and sense of responsibility. The goal of spiritual intelligence is capable of producing human balance between the spiritual and the physical.

Keywords: *Spiritual intelligence; goals of spiritual; emotional*

PENDAHULUAN

Kecerdasan rohaniah dalam Islam adalah kekuatan dari roh, hati, perasaan, jiwa, keimanan, amalan yang istiqamah berlandaskan syariat Allah dan akhlak yang terpuji serta mampu menghayati kehidupan dengan penyesuaian terhadap persekitaran yang membentuk *Ulul Albāb* (Elmi 2013). Namun begitu, terdapat pelbagai tafsiran tentang kecerdasan rohaniah (Emmons 2000; Genia 2001; Schulte et al. 2002 dan Zainab et al. 2011). Menurut Emmons (2000) menjelaskan terdapat potensi yang baik dalam kecerdasan rohaniah untuk menyelesaikan masalah rohaniah dan keagamaan. Pandangan Emmons ini dikuatkan lagi dengan kajian yang dilakukan oleh Genia (2001) iaitu terdapat kesan kecerdasan rohaniah dalam skala penilaian yang dilakukan kepada sekumpulan pelajar. Manakala Schulte et al. (2002) bersetuju latar belakang kepelbagaian budaya mempunyai kaitan dengan konsep agama dan rohaniah. Sementara itu, Oman dan Thoresen (2003) menjelaskan model rohaniah adalah elemen yang sering diabaikan dalam kehidupan beragama. Pandangan ini relevan dengan kajian yang dilakukan oleh Elmi (2007), Zainab et al. (2012) dan Zainab et al. (2014) yang menyatakan terdapat hubungan antara pengetahuan agama dengan aktiviti agama dalam kalangan warga tua.

Selain itu, Zainab et al. (2011) dan Elmi & Zainab (2013) dalam kajiannya juga menunjukkan pengetahuan agama warga tua merupakan salah satu indikator yang boleh menentukan kecerdasan rohaniah seseorang. Namun begitu, menjadi persoalan dalam kajian ini, apakah matlamat dan objektif kecerdasan rohaniah dalam Islam sehingga kecerdasan rohaniah sangat penting sehingga mampu membina kekuatan dalaman kepada diri seseorang. Justeru, kajian ini menghuraikan tentang matlamat kecerdasan rohaniah menurut perspektif Islam perlu dilakukan.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif dengan menggunakan analisis kandungan. Data-data kepustakaan seperti literatur, jurnal, artikel, dokumen

atau visual yang berkaitan dengan matlamat kecerdasan rohaniah dalam al-Quran dan hadis. Teknik pengumpulan data yang digunakan adalah teknik kajian sastera yang dicadangkan oleh Bordens dan Abbott (2005) yang meliputi proses meletakkan, mendapatkan dan menilai maklumat berkaitan dengan kajian.

Analisis yang diguna pakai adalah kaedah analisis kandungan (Bordens & Abbott 2005) dengan bantuan analisis Nvivo 8. Kajian ini menumpukan kepada matlamat kecerdasan rohaniah dalam Islam. Bordens & Abbott (2005) menjelaskan konsep kajian teori tanpa memerlukan kajian di lapangan. Kajian ini hanya memerlukan pengembangan pengetahuan tentang matlamat kecerdasan rohaniah agar boleh dilaksanakan dalam realiti.

TINJAUAN LITERATUR

Menurut Ibn Manzūr (1968M/1388H) dalam *Lisān al-'Arab* erti cerdas berasal dari kata *zakā* dan *zakī* yang bermaksud jiwa yang kuat, cerdik, cepat pandai, hati yang cerdik dan bijaksana. Menurut Wechsler (1958) kecerdasan sebagai kebolehan individu bertindak, berfikir dan berinteraksi dengan persekitaran. Manakala Ausubel (1968) kecerdasan ialah kemampuan seseorang dalam kepelbagaian fungsi sehingga menghasilkan potensi yang pelbagai dalam penyelesaian masalah. Dalam konteks kajian Barat, kecerdasan rohaniah disebut kecerdasan rohani atau dalam bahasa Inggeris disebut *spiritual quotient* atau *spiritual intelligence*. Sedangkan Arbaiyah (2006) dan Syed Najmuddin (2005) menjelaskan kecerdasan ialah keupayaan seseorang untuk menerima, memproses dan menilai maklumat serta menggunakan inisiatif untuk menyelesaikan masalah dalam persekitaran tertentu. Kecerdasan juga bermaksud kemampuan untuk memahami sesuatu secara cepat dan sempurna (Ramayulis 2004).

Sementara itu, menurut al-Ghazālī (t.th) rohaniah adalah berkaitan dengan persoalan dalaman dan kejiwaan manusia. Manakala Najāti (1992) mendefinisikan rohaniah sebagai permasalahan jiwa menurut al-Quran. Sedangkan Md. Said (2002) mendefinisikan rohaniah sebagai semangat atau roh dengan makna semangat diri yang batin. Justeru, Muhammad D. (2004) mendefinisikan kecerdasan rohaniah sebagai keimanan, ketakwaan yang sebenar, sentiasa berdoa, berzikir, berjihad dengan al-Quran, mendirikan solat, berpuasa di bulan Ramadhan, membelanjakan harta benda, memakmurkan masjid, menghidupkan akhir malam dengan amalan ibadah, menuntut ilmu pengetahuan, melakukan kebaikan, melakukan perjalanan bagi memerhatikan keadaan sekeliling dan melakukan ibadah haji serta umrah.

Emmons (2000) dalam kajiannya bertajuk *Is spirituality an intelligence? Motivation, cognition, and the psychology of ultimate concern* menggunakan istilah *spiritual intelligence* untuk membincangkan kecerdasan rohaniah. Kajian ini mendapati beliau bersetuju dengan lima kompetensi yang boleh mengukur kecerdasan rohaniah seseorang iaitu; (1) keupayaan untuk kesedaran kerohanian; (2) kebolehan

untuk masuk ke dalam alam kesedaran; (3) kebolehan untuk menerima pengalaman harian; (4) kebolehan untuk menggunakan rohaniah bagi menyelesaikan masalah; dan (5) keupayaan untuk melibatkan diri dalam tingkah laku yang terpuji.

Vaughan (2002) pula mendefinisikan kecerdasan rohaniah sebagai kemampuan seseorang untuk memahami secara mendalam mengenai persoalan kewujudan mengikut pelbagai peringkat kesedaran. Selain itu, Vaughan (2002) juga menyatakan kecerdasan rohaniah dalam diri seseorang boleh dikaji melalui tiga soalan iaitu *Who am I, Why am I here* and *What really matters*. Dalam tahun 2007, Amram didapati berjaya mengenal pasti tujuh tema utama berkaitan kecerdasan rohaniah iaitu *meaning, consciousness, grace, transcendence, truth, peaceful surrender to Self, and inner-directed freedom* (King & DeCicco 2009).

Sementara itu, Yurdakul et al. (2008) pula menyatakan kecerdasan rohaniah mampu menghasilkan cara fikir yang baik. Pandangan Vaughan dan Yurdakul et al. mengenai kecerdasan rohaniah ini didapati mempunyai hubungan dengan pandangan Danah Zohar dan Ian Marshall (2001). Danah Zohar dan Ian Marshall (2001) menjelaskan kecerdasan rohaniah sebagai kecerdasan untuk memecahkan masalah makna dan nilai, untuk menempatkan tingkah laku dan hidup seseorang dalam konteks makna yang lebih luas dan untuk menilai tindakan atau cara hidup seseorang supaya lebih bermakna daripada orang lain.

Selain itu, Danah Zohar dan Ian Marshall (2001) mengemukakan sepuluh indikator kecerdasan rohaniah iaitu “kemampuan untuk menghayati sesuatu, kesedaran sendiri, kemampuan untuk berhadapan dan menyelesaikan masalah, kemampuan untuk menghadapi pelbagai kesulitan, mempunyai nilai dan visi sebagai kualiti inspirasi kehidupan, kemampuan untuk mengelakkan kecederaan, kemampuan untuk menganalisis hubungan sesuatu perkara dari pelbagai dimensi, kemampuan kecenderungan untuk membuat kajian kenapa, apa dan mencari jawapannya, kemampuan untuk bekerja dalam satu persidangan dan kemampuan untuk menjadi pemimpin yang berjiwa rakyat”.

Sementara itu, Ary Ginanjar Agustian (2001) memperkenalkan ‘rahsia sukses membangun kecerdasan emosi dan spiritual’ melalui tulisannya dalam *ESQ Emotional Spiritual Quotient-The ESQ Way 165-1 Ihsan 6 Rukun Iman dan 5 Rukun Islam*. Menurut Ary Ginanjar (2001), kecerdasan rohaniah ialah “kemampuan untuk memberi makna spiritual terhadap pemikiran, perilaku dan kegiatan, serta mampu mensinergikan IQ, EQ dan SQ secara komprehensif”. Manakala Zainab et al. (2011) menjelaskan kecerdasan rohaniah sebagai kemampuan seseorang untuk mempunyai tahap kecemerlangan terhadap dirinya sendiri daripada segi hubungannya dengan Allah SWT dan hubungannya sesama manusia khususnya daripada segi *al-Amr bi al-Ma’ruf wa al-Nahy ‘an al-Munkar*. Ringkasnya matlamat kecerdasan rohaniah menurut perspektif Islam adalah bermatlamat membentuk kekuatan dalaman manusia

dengan taat, mengembalikan fitrah, menguatkan diri dalam menghadapi cabaran, menghargai masa dan rasa tanggungjawab.

PERBINCANGAN

Hakikatnya, kecerdasan rohaniah akan melahirkan manusia yang mempunyai hubungan yang baik dengan Allah SWT, sesama manusia dan hubungan baik dengan alam sekitarnya. Hubungan baik dengan Allah SWT akan membentuk manusia yang beriman dan bertakwa. Menurut al-Nawāwi (1989), takwa ialah memelihara diri dari segala perbuatan yang menyebabkan terkena bencana di dunia dan azab di akhirat. Seterusnya dapat menjaga hubungan baik dengan Allah SWT, hubungan baik sesama manusia dan hubungan baik dengan alam. Hubungan yang baik dengan Allah SWT, sesama manusia dan alam. Hal ini bersesuaian dengan firman Allah SWT (Āli 'Imrān 3: 112) yang bermaksud:

Mereka ditimpakan kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. Dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintah-Nya), dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencero bohi (hukum-hukum Allah).

Menurut al-Tabari (1992M/1412H), ayat 112 dalam surah Āli 'Imrān (3) ini membincangkan ikatan dan hubungan baik adalah kunci keberkatan hidup. Manusia akan ditimpa kecelakaan walau di mana mereka berada melainkan menjalinkan hubungan yang baik kepada Allah SWT dan hubungan yang baik dengan manusia seperti menepati janji. Dalam konteks kajian ini, matlamat kecerdasan rohaniah ialah taat kepada Allah, mengembalikan fitrah, menguatkan diri, menghargai masa dan rasa tanggungjawab untuk mencapai hubungan yang baik kepada Allah, sesama manusia dan alam. Justeru, matlamat kecerdasan rohaniah ini adalah seperti berikut:

Taat Kepada Allah SWT

Kecerdasan rohaniah dalam Islam bertujuan untuk taat kepada Allah SWT. Menurut Danial (2006), orang yang bertakwa mempunyai kekuatan dalaman yang hebat lagi unik. Namun, masyarakat Muslim hari ini memerlukan suatu dorongan yang mampu menggerakkan diri agar sentiasa diberi taufik dan hidayah untuk terus menerus beramal seperti yang telah diwajibkan. Allah SWT telah memberi dorongan kekuatan dengan mengilhamkan dua jalan iaitu jalan kebaikan dan kejahatan untuk dipilih. Maka beruntunglah orang yang memilih jalan kebaikan dengan membersihkan hati dan rohaniannya dari sebarang kekotoran. Firman Allah SWT (al-Shams 91: 7-9) yang bermaksud:

Demi diri manusia dan yang menyempurnakan kejadiannya (dengan kelengkapan yang sesuai dengan keadaannya). Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwa. Sesungguhnya berjajalah orang yang menjadikan dirinya-yang sedia bersih bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebajikan).

Menurut al-Rāzi (2000M/1421H), ayat 7-9 dalam surah al-Shams (91) ini membincangkan mengenai orang beriman yang mendapat ilham kebaikan dan orang kafir mendapat ilham berupa kejahatan. Orang yang beruntung adalah mereka yang membersihkan hati dari sebarang dosa dengan melakukan ketaatan seluruh perintah Allah SWT dan menjauhkan maksiat. Pembersihan hati secara bersepadu menyebabkan mudah melakukan amal ibadah kepada Allah SWT di samping menghayati tujuan penciptaan manusia iaitu memperhambakan diri kepada-Nya. Firman Allah SWT (al-Zāriyyāt 51: 56) yang bermaksud:

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

Menurut al-Marāghi (2001), ayat 56, surah al-Zāriyyāt (51) sebagai tujuan penciptaan manusia adalah untuk mengenali Allah SWT dan keesaan-Nya. Sekiranya manusia tidak diciptakan, maka tidak ada yang dapat mengenali keesaan Allah SWT. Manakala ibadah adalah apa yang disukai dan diredhai oleh Allah SWT yang bermula dari percakapan dan perbuatan, yang lahir dan yang zahir seperti solat, zakat, puasa, haji, bercakap benar, menunaikan amanah, berbuat baik kepada ibu bapa, menghubungkan silaturrahim, menyempurnakan janji, menyuruh yang makruf dan mencegah dari yang mungkar, berjihad menentang orang kafir dan munafik, berbuat baik dengan jiran, anak-anak yatim, orang miskin, orang dalam perjalanan, menjaga manusia dan binatang, berdoa, berzikir dan membaca al-Quran.

Selain itu, Hamka (1999) menyatakan ibadah adalah segala perbuatan baik seperti berniaga, bertani, menyara anak isteri dan membiayai persekolahan anak-anak. Rasulullah SWT juga telah bersabda tentang orang yang taat kepada Nabi SAW sebagai taat kepada Allah SWT juga. Hal ini seperti dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhāri (2000M/1420H. Kitāb al-Ahkām. Bāb umarā min qurash. Juz 4: 527):

أبي هريرة رضي الله عنه: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم قال: من أطاعني فقد أطاع الله، ومن عصاني فقد عصى الله، ومن أطاع أميري فقد أطاعني، ومن عصى أميري فقد عصاني.

Maksud: Daripada Abu Hurairah r.a.: Sesungguhnya Rasulullah SAW telah bersabda: Barang siapa yang taat kepadaku, maka dia taat kepada Allah SWT, barang siapa yang ingkar kepadaku maka dia ingkar kepada Allah SWT dan barang siapa yang taat pemimpinku dia taat kepadaku dan barang siapa yang tidak taat maka dia ingkar kepada ku.

Al-Hashimi (2003) menjelaskan maksud hadis sebagai orang yang taat kepada Nabi SAW, bererti taat kepada Allah SWT dan mereka yang derhaka kepada Nabi SAW, bererti derhaka kepada Allah SWT. Maka ketaatan kepada Allah SWT juga akan memotivasikan diri untuk terus beramal semata-mata kerana-Nya. Justeru, Allah SWT telah banyak menerangkan dalam al-Quran balasan kepada umat Islam yang beramal dengan balasan syurga, bidadari, dan kenikmatan lain jika mereka taat dan sebaliknya jika tidak mentaati-Nya. Hal ini menunjukkan ganjaran yang disediakan merupakan dorongan untuk taat terhadap perintah yang telah ditetapkan. Maka kecerdasan rohaniah dapat menjadikan manusia taat beribadah kepada Allah SWT.

Mengembalikan Fitrah Semulajadi

Kecerdasan rohaniah juga bertujuan untuk mengembalikan hidup bertuhan. Manusia merasakan sesuatu yang mendorong untuk mencari dan berfikir tentang penciptaan dan pencipta alam semesta ini (Najāti 1992) yang mengakui Allah SWT sebagai *Ilah* dan tempat menyembah serta meminta pertolongan. Secara fitrahnya manusia telah mengakui Allah SWT sebagai Tuhan ketika di alam roh semasa dalam kandungan rahim ibu. Maka setelah lahir ke dunia menjadi bayi, remaja, dewasa dan tua masih lagi wujud perasaan tersebut yang mengakui Allah SWT sebagai Tuhan. Firman Allah SWT (al-A'raf 7: 172) yang bermaksud:

Dan (ingatlah wahai Muhammad) ketika Tuhanmu mengeluarkan zuriat anak-anak Adam (turun-temurun) dari (tulang) belakang mereka dan Ia jadikan mereka saksi terhadap diri mereka sendiri, (sambil Ia bertanya dengan firman-Nya): “Bukankah Aku Tuhan kamu?” Mereka semua menjawab: “Benar (Engkaulah Tuhan kami) kami menjadi saksi”. Yang demikian supaya kamu tidak berkata pada hari kiamat kelak: “Sesungguhnya kami adalah lalai (tidak diberi peringatan) tentang (hakikat tauhid) ini”.

Abu Hayyan (1993M/1413H) telah menerangkan tentang ayat 172 dalam surah al-A'raf (7) sebagai perjanjian mengesakan Allah SWT dengan cara mentaati dan melakukan segala perintah-Nya. Maka orang yang cerdas rohaniannya akan mengembalikan fitrah untuk beriman kepada Allah SWT dengan menyembah-Nya. Selain itu, Allah SWT telah berfirman dalam ayat yang lain bahawa secara fitrah juga manusia mengakui Allah SWT sebagai Tuhan. Firman Allah SWT (Luqman 31: 25) yang bermaksud:

Dan sesungguhnya jika engkau (wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: “Siapakah yang menciptakan langit dan bumi?” Sudah tentu mereka akan menjawab: “Allah”. Ucapkanlah (wahai Muhammad): “Alhamdulillah” (sebagai bersyukur disebabkan pengakuan mereka yang demikian tidak mengingkari Allah), bahkan kebanyakan mereka tidak mengetahui (hakikat tauhid dan pengertian syirik).

Menurut al-Marāghī (2001), ayat 25 dalam surah Luqmān (31) adalah berkaitan tentang perihal orang musyrik yang tidak tahu kepada siapa segala kesyukuran dan pujian yang patut ditujukan. Namun, secara rohaniannya mereka telah mengakui Allah SWT sebagai Tuhan yang menciptakan alam ini. Maka kefahaman tentang ayat-ayat yang telah dinyatakan menunjukkan manusia adalah sama pada hakikatnya. Walaupun mereka berlainan bangsa, warna kulit, tua, muda, miskin, kaya yang pasti mereka telah mengakui dan mengiktiraf Allah SWT sebagai Tuhan dan ingin mengabdikan serta memperhambakan diri kepada-Nya.

Begitu juga Rasulullah SAW telah bersabda yang menyatakan bayi yang dilahirkan adalah dalam keadaan fitrah. Bahkan ia suci dan bersih dari sebarang dosa dan noda. Maka yang mencorakkannya untuk menjadi Islam, Yahudi dan kafir adalah ibu bapa mereka sendiri. Sabda Nabi SAW seperti dalam Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī (2000M/1420H. Kitāb al-Janāiz. Bāb izā aslam al-sabi famāta hal yusalli ‘alayh wa hal yu radu ‘alayh al-sabi al-Islām. Juz 1: 574):

عن أبي هريرة رضي الله عنه كان يحدث: قال النبي صلى الله عليه وسلم: ما من مولود إلا يولد على الفطرة، فأبواه يهودانه أو ينصرانه أو يمجسانه، كما تنتج البهيمة بهيمة جمعاء، هل تحسون فيها من جدعاء.

Maksud: Daripada Abu Hurairah (r.a.) menceritakan: Rasulullah SAW telah bersabda: Tidak ada seorang anak pun yang dilahirkan melainkan ia dilahirkan dalam keadaan suci bersih; maka ibu bapanya yang menjadikan Yahudi atau Nasrani atau Majusi. Sama halnya sebagai seekor haiwan ternak, maka ia akan melahirkan ternak pula dengan sempurna, tiada kamu dapati kekurangannya.

Ibn Hajar (2000M/1420H) menjelaskan maksud hadis sebagai bayi adalah suci dan bersih iaitu Islam. Maka berdasarkan hadis ini jelas menunjukkan fitrah manusia adalah suka kepada Islam. Bahkan manusia itu mempunyai rohaniyah yang telah wujud dalam diri mereka. Namun apabila mereka dilahirkan ke dunia, ibu

bapa mereka yang memesongkan mereka dengan aktiviti yang tidak mencerdaskan rohaniah mereka. Justeru, kecerdasan rohaniah mampu mengembalikan fitrah tabii yang telah dipahatkan oleh Allah SAW dalam hati sanubari mereka yang bernama manusia. Cuma manusia hendaklah berusaha mendapatkan semula dengan cara beriman dan mengakui Allah SWT sebagai *Ilah* dan tempat bergantung.

Menguatkan Diri dalam Menghadapi Cabaran Kehidupan

Kecerdasan rohaniah juga penting untuk menguatkan diri menghadapi cabaran kehidupan yang mendatang. Najāti (1992) menjelaskan rohaniah penting kepada manusia sebagai dorongan untuk menghayati agama, bertakwa, mencintai kebaikan, hak dan keadilan serta membenci semua perkara keburukan, kebatilan dan kezaliman. Hal ini adalah penting untuk menguatkan diri dalam menghadapi cabaran kehidupan. Orang yang mampu menghadapi cabaran adalah mereka yang mempunyai kekuatan rohaniah. Kehidupan manusia tidak dapat lari dari sebarang kekurangan dan kelemahan yang boleh menyebabkan seseorang itu berputus asa dari rahmat Allah SWT. Sedangkan kekurangan dan kelemahan adalah merupakan ujian Allah SWT kepada umat Islam jika benar mereka orang yang sabar. Firman Allah SWT (al-Baqarah 2: 155) yang bermaksud:

Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang-orang yang sabar.

Abu Hayyan (1993M/1413H) menjelaskan tentang ayat 155 dalam surah al-Baqarah (2) mengenai bala bencana yang bakal menimpa manusia sebagai ujian kepada mereka. Ia akan menjadi kayu ukur sama ada benar-benar beriman atau sebaliknya. Bahkan menjadi parameter keimanan seseorang seterusnya sebagai menjana kekuatan rohani umat Islam. Maka untuk menguatkan kekuatan rohaniah memerlukan pembersihan kekuatan dalaman dengan cara membersihkan akidah, syariah dan akhlak umat Islam masa kini.

Selain itu, kecerdasan rohaniah adalah penting bagi menghadapi cabaran kehidupan masa kini yang kian bergelora. Orang yang kuat dalaman sahaja yang akan mampu berjaya dalam hidup mereka. Ramai manusia yang telah gagal rohaniah walaupun cemerlang pemikiran dengan cara membunuh diri dan sebagainya. Hal ini umat Islam terpaksa berhadapan dengan hawa nafsu yang tidak pernah kenyang dan syaitan yang sentiasa menggoda serta orang kafir yang tidak putus-putus berusaha menjatuhkan maruah umat Islam. Firman Allah SWT (Yūsuf 12: 5) yang bermaksud:

Sesungguhnya syaitan adalah musuh yang nyata bagi manusia.

Menurut Hamka (1999), ayat 5 dalam surah Yūsuf (12) membicarakan tentang peranan syaitan yang memecahbelahkan keluarga Nabi Yaakub (a.s.). Hal ini syaitan tidak senang melihat mereka berkasih sayang sehingga memisahkan Nabi Yusuf (a.s.) dengan keluarganya. Bahkan akan berusaha untuk campur tangan dan menghasut dengan halus sehingga musnahnya ikatan kekeluargaan. Tambahkan pula jika tidak wujud perpaduan dan kekuatan rohaniah umat Islam. Justeru, kekuatan dalaman ini adalah penting bagi menangkis segala mehnah dan tribulasi serta tipu daya dunia agar terus berjaya dalam kehidupan. Kekuatan dalaman juga akan melahirkan manusia yang tenang dan bahagia seperti mana dalam firman Allah SWT (al-Ra'd 13: 28) yang bermaksud:

Iaitu orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah. Ketahuilah! Dengan (zikrullah) itu tenang tenteramlah hati manusia.

Menurut al-Qurtubi (1996M/1416H), ayat 28 dalam surah al-Ra'd (13) menerangkan tentang keimanan kepada Allah SWT Seseorang yang beriman kepada Allah SWT akan mendapat hidayah dengan mengesakan Allah SWT Seterusnya menyebabkan hati mereka akan menjadi tenang dan tenteram. Ketenangan ini merupakan kekuatan rohaniah umat Islam dalam menghadapi cabaran dan ujian dunia yang kian mencabar. Maka ketenangan hati akan melahirkan generasi yang bertakwa yang memimpin dunia seterusnya meletakkan agama Allah SWT di tempat yang paling tinggi dan agung.

Justeru, kecerdasan rohaniah mampu menjadikan seseorang itu menjadi kuat dalam menghadapi cabaran kehidupan. Cabaran dalam kehidupan adalah ujian untuk mengangkat darjat seseorang kepada darjat yang lebih tinggi. Darjat yang lebih tinggi akan dicapai oleh mereka yang mempunyai kecerdasan dalaman yang tinggi. Hal ini menunjukkan kecerdasan rohaniah mampu menjadi benteng pertahanan diri dalam menghadapi cabaran masa kini. Maka kecerdasan rohaniah sangat diperlukan bagi melahirkan individu yang cerdas rohaniannya.

Bijak Menggunakan Masa dan Rasa Bertanggungjawab

Kecerdasan rohaniah juga bertujuan untuk menjadikan seseorang bijak mengurus masa dan bertanggungjawab dalam kehidupan. Rohaniah yang cerdas mampu melahirkan manusia yang seimbang antara keperluan jasmani dan rohaniah dalam kehidupan secara adil dan saksama (Najāti 1992). Keseimbangan ini akan melahirkan manusia yang bijak dalam pengurusan, membentuk keperibadian dan rasa bertanggungjawab dalam segala tindakan. Ramai dalam kalangan manusia hari ini menyatakan tidak cukup masa dan tidak sempat untuk melakukan sesuatu perkara walaupun mereka telah dikurniakan 24 jam sehari semalam. Namun masih ramai manusia yang tidak menggunakan waktu dengan sebaik mungkin.

Bahkan terdapat ramai juga manusia yang tidak bertanggungjawab di atas amanah yang telah diberikan. Hal ini kerana mereka tidak mempunyai kekuatan dalaman yang utuh dan kesedaran menghargai masa. Allah SWT telah berfirman dalam al-Quran dengan menyatakan kerugian sekiranya manusia itu tidak menggunakan masa hidupnya dengan beriman, beramal, berpesan dengan kebenaran dan kesabaran. Firman Allah SWT (al-'Asr 103: 1-3) yang bermaksud:

Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar.

Menurut al-Marāghī (2001), surah al-'Asr (103) menjelaskan semua manusia mengalami kerugian dalam hidupnya, melainkan jika mereka memiliki empat perkara iaitu beriman kepada Allah SWT, melakukan amal soleh, menasihati manusia dengan kebenaran dan kesabaran. Kesaksian akan keimanan dalam melakukan amal soleh adalah kunci kecerdasan akal di samping berpesan dalam perkara kebaikan dengan kesabaran. Manakala Hamka (1999) menjelaskan tentang orang yang kuat jiwa sebagai beriman dengan penuh keinsafan dan sedar dari mana manusia datang. Seterusnya mereka tidak akan menyalahkkan waktu tetapi diri sendiri yang bersalah kerana tidak pandai mengurus waktu. Beliau menjelaskan lagi manusia yang sempurna adalah mereka yang mengetahui kebenaran, mengamalkan kebenaran, mengajar kepada orang yang belum pandai mengamalkannya dan sabar dalam menyesuaikan diri dengan kebenaran, mengamalkan dan mengajarkan kepada manusia lain.

Justeru, kekuatan dalaman ini akan melahirkan manusia yang menggunakan masa dengan sebaik-baiknya. Rasulullah SAW telah bersabda agar menggunakan masa lapang dan masa sihat dengan sebaiknya. Sabda Rasulullah SAW seperti dalam Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhāri (2000M/1420H. Kitāb al-Riqāq. Bāb lā 'Āisha illa 'ishu al-ākhirah. Juz 4: 278):

عن ان عباس رضي الله عنه قال: قال النبي صلى الله عليه وسلم: نعمتان
مغبون فيهما كثير من الناس: الصحة والفراغ.

Maksud: Daripada ibn 'Abbas (r.a.) telah berkata: Nabi SAW telah bersabda: Dua nikmat yang sering kali dilupakan oleh kebanyakan manusia: Iaitu nikmat sihat dan nikmat masa lapang.

Ibn Hajar (2000M/1420H) menjelaskan maksud hadis ini sebagai ramai manusia leka dan meninggalkan untuk bersyukur kepada Allah SWT apabila mereka mempunyai kesihatan dan masa lapang. Menurut beliau bersyukur adalah dengan melaksanakan perintah Allah SWT dan meninggalkan larangan Allah SWT. Maka

selain itu adalah orang yang lalai. Maka berdasarkan ayat al-Quran dan hadis yang telah diterangkan, dapat disimpulkan aspek kesihatan dan masa lapang adalah dua unsur yang sering dilupai dalam kehidupan manusia. Namun yang hanya menghargai masa adalah manusia yang benar-benar beriman dan bertakwa dalam erti kata mempunyai kecerdasan rohaniah yang tinggi. Hal ini juga membolehkan seseorang itu mengurus diri dengan lebih tersusun dengan berpandukan kepada syariat Islam. Selain itu, kecerdasan rohaniah akan membentuk rasa bertanggungjawab dalam diri sendiri iaitu mereka yang tahu menghargai diri sendiri.

Kadang-kadang manusia leka dan alpa disebabkan dosa yang telah mereka lakukan. Namun jika hubungan dengan Allah SWT sudah kuat dan mantap akan menyebabkan seseorang mampu memperbaiki diri dari melakukan sebarang kesilapan. Hal ini sekali gus mampu mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan melipatgandakan amalan keagamaan dengan cara terbaik. Maka tujuan kecerdasan rohaniah adalah untuk mengingatkan manusia untuk terus melakukan amal dan bertaubat sekiranya melakukan sebarang perbuatan dosa seperti firman Allah SWT (al-Zumar 39:53) yang bermaksud:

Katakanlah (wahai Muhammad): Wahai hamba-hambaku yang telah melampaui batas terhadap diri mereka sendiri (dengan perbuatan-perbuatan maksiat), janganlah kamu berputus asa dari rahmat Allah, kerana sesungguhnya Allah mengampunkan segala dosa; sesungguhnya Dialah jua Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani.

Menurut Sayyid Qutb (2000M/1420H), ayat 53 dalam surah al-Zumar (39) adalah berkaitan dengan orang yang melakukan dosa. Mereka dilarang berputus asa dari rahmat dan kasih sayang Allah SWT dengan digalakkan agar memohon keampunan kepada-Nya. Memohon keampunan kepada Allah SWT adalah rahmat dan kasih sayang yang telah diperintahkan oleh Allah SWT kepada hambanya dengan syarat tidak jemu dan berputus asa. Selain itu, akan melahirkan manusia yang bertanggungjawab dalam hidupnya seperti dalam Hadis yang diriwayatkan oleh al-Bukhāri (2000M/1420H. Kitāb al-Jum'ah. Bāb al-Jum'ah fi al-Qurā wa al-Mudun. Juz 1: 394):

أن عبد الله بن عمر يقول: سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول: ألا كلكم راع. وكلكم مسئول عن رعيته الامام راع، ومسئول عن رعيته. والرجل راع في أهله، وهو مسئول عن رعيته. والمرأة راعية في بيت زوجها ومسئولة عن رعيته. والخادم في مال سيده ومسئول عن راعيته.

Maksud: Daripada 'Abd Allah bin 'Umar telah berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW telah bersabda: Setiap kamu adalah pemimpin. Dan setiap kamu akan ditanya tentang kepimpinanmu. Imam adalah pemimpin. Dan akan ditanya tentang kepimpinannya. Seorang suami adalah pemimpin kepada keluarganya. Maka ia akan ditanya tentang kepimpinan keluarganya. Seorang isteri bertanggungjawab ke atas rumah dan suaminya. Maka ia akan ditanya tentang tanggungjawab rumah dan suaminya. Seorang hamba bertanggungjawab ke atas hartanya dan akan ditanya tentang tanggungjawab tersebut.

Al-Hashimi (2003) menjelaskan maksud hadis ini sebagai setiap manusia adalah pemimpin yang akan dipertanggungjawabkan di atas kepemimpinannya. Setiap pemimpin kelak di hari kiamat akan ditanya mengenai apa yang dipimpinnnya. Maka berdasarkan hadis yang telah dinyatakan, setiap orang adalah pemimpin yang mempunyai tanggungjawab di atas apa yang dipimpinnnya. Bahkan Allah SWT akan mempersoalkan amanah tersebut di akhirat kelak. Sekiranya amanah tersebut tidak dapat diselesaikan dengan baik, maka Allah SWT akan memberi hukuman yang setimpal dengan amanah tersebut. Justeru manusia yang melaksanakan amanah dengan penuh rasa tanggungjawab adalah manusia yang telah menghargai waktu yang terluang dengan sebaiknya dalam kehidupan. Bahkan mereka yang menggunakan waktu untuk melaksanakan amanah akan mendapat kemuliaan yang tinggi di samping mempunyai tahap kecerdasan rohaniah.

KESIMPULAN

Kecerdasan rohaniah dalam Islam adalah kekuatan dari roh, hati, perasaan, jiwa, keimanan, amalan yang istiqamah berlandaskan syariat Allah dan akhlak yang terpuji serta mampu menghayati kehidupan. Terdapat pelbagai pandangan tentang kecerdasan rohaniah dalam Islam. Kecerdasan rohaniah dalam Islam mampu melahirkan manusia yang hebat dari segi dari hubungan baik dengan Allah, dengan manusia dan alam. Maka, kajian ini mendapati matlamat kecerdasan rohaniah bermatlamatkan taat kepada Allah, mengembalikan fitrah, menguatkan diri dalam menghadapi cabaran, menghargai masa dan rasa tanggungjawab. Justeru, matlamat kecerdasan rohaniah membentuk ketaatan kepada Allah SWT dengan penuh keikhlasan dan kesabaran. Selain itu, kecerdasan rohaniah bermatlamat mengembalikan fitrah *tabii* agar manusia menjadi suci dan bersih dari sebarang dosa dan noda. Seterusnya kecerdasan rohaniah penting sebagai benteng pertahanan umat Islam dalam menghadapi cabaran dengan cara menghargai masa dan bertanggungjawab pada diri sendiri, masyarakat dan negara. Maka manusia yang cerdas rohaniahnya akan sentiasa mengukur tahap dirinya sama ada bermusuhan dengan Tuhan, baik atau cintakan Tuhan melebihi segala sesuatu. Justeru, berdasarkan matlamat yang telah dinyatakan, maka kecerdasan rohaniah menjadi penting bahkan mampu menjadi jati diri dalam diri umat Islam masa kini.

RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Abu Hayyān, Muhammad Yūsuf al-Shahīd. 1993M/1413H. *Tafsir al-Baḥr al-Muḥīṭ*. Jil. 1, 4, 5, 6 & 8. Beirut, Lubnān: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Arbainyah Md Zin. 2006. Tinjauan Kecerdasan Pelbagai di Kalangan Pelajar Tingkatan 4. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ary Ginanjar Agustian. 2001. *Rahasia Sukses Membangun Kecerdasan dan Spiritual ESQ: Emotional Spiritual Quotient Berdasarkan Rukun Iman, dan Rukun Islam*. Jakarta: Penerbit Arga.
- Ausubel, David Paul. 1968. *Education Psychology: a Cognitive View*. Rinehart and Winston. New York: Holt.
- Bordens, Kenneth S & Bruce B Abbott. 2005. *Research Design and Methods: A Process Approach*. New York: McGraw-Hill.
- al-Bukhārī, Muhammad bin Ismā'il. 2000M/1420H. *Saḥīḥ al-Bukhārī*. Jil. 1, 2, 3 & 4. al-Qāhirah: Dār al-Hadis.
- Danah Zohar & Ian Marshall. 2001. *SQ: Spiritual Intelligence the Ultimate Intelligence*. London: Blomsbury.
- Danial Zainal Abidin. 2006. *Tip-Tip Cemerlang Daripada al-Quran*. Kuala Lumpur: PTS Millennia Sdn. Bhd.
- Elmi Baharuddin. 2013. Kecerdasan Rohaniah dan Amalan Agama di Rumah Kebajikan. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pengajian Islam, Unversiti Kebangsaan Malaysia.
- Elmi Baharuddin. 2007. Penyertaan Warga Tua Rumah Seri Kenangan Cheras, Selangor Terhadap Aktiviti Agama, Tesis Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Elmi Baharuddin & Zainab Ismail. 2013. Hubungan Kecerdasan Rohaniah Warga Tua dengan Amalan Agama di Rumah Kebajikan. *Jurnal Islamiyyat* 35 (1): 19-28.
- Emmons, Robert A. 2000. Is Spirituality an Intelligence? Motivation, Cognition, and the Psychology of Ultimate Concern. *The International Journal for the Psychology of Religion* 10 (1): 3-26.

- Genia, Vicky. 2001. Evaluation of the Spiritual Well-Being Scale in a Sample of College Students. *The International Journal for the Psychology of Religion* 11 (1): 25-33.
- al-Ghazālī, Abu Hamid Muhammad. t. th. *Rawda al-Tālibin wa Umdat al-Sālikin*. Bayrūt: Dār al-Naḥdah al-Ḥadīthah.
- Hamka, Abdulmalik Abdulkarim Amrullah. 1999. *Tafsir al-Azhar*. Jil. 8. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.
- al-Hashimi, Sayyid Ahmad. 2003. *Mukhtār al-Aḥādīth-Sharah Mukhtār al-Aḥādīth*. Terj: K.H. Moch. Anwar, H. Anwar Abubakar, Li Sufyana M. Bakri. Bandung: Penerbit Sinar Baru.
- Ibn Hajar, Abu Ahmad 'Ali Hajar al-'Asqalāni. 2000M/1420H. *Faṭḥ al-Bāri Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhāri*. Jil. 3, 4, 8, 10 & 11. Beirūt, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Manzūr, Abu Fadl Jamāl al-Din. 1968M/1388H. *Lisān al-'Arab*. Jil. 1, 11 & 14. Bayrūt, Lubnān: Dār Sādr Dār Bairūt.
- Jain, Madhu & Purohit, Prema. 2006. Spiritual Intelligence: A Contemporary Concern with Regard to Living Status of the Senior Citizens. *Journal of the Indian Academy of Applied Psychology* 32 (3): 227-233.
- King, David B. & DeCicco, Teresa L. 2009. A Viable Model and Self-report Measure of Spiritual Intelligence. *International Journal of Transpersonal Studies* 28: 68-85.
- al-Marāghī, Ahmad Mustafā al-Marāghī. 2001. *Tafsīr al-Marāghī*. Terj: Muhammad Thalib. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Md. Said Suleimen. 2002. *Buku Katan Kamus Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad D. Sensa. 2004. *QQ Membentuk kecerdasan daripada Quran*. Jakarta: Hikmah
- Najāti, Muhammad 'Uthmān. 1992. *al-Qur 'ān wa 'Ilm al-Nafs*. Beirūt, Lubnān: Dār al-Shurūq.
- al-Nawāwī, Muhy al-Dīn Abū Zakariyya Yahyā Sharīf. 1989. *Hadis Empat Puluh*. Terj: Mustafā Abdul Rahman. Kuala Lumpur: Dewan Pustaka Fajar.

- Oman, Doug & Thoresen, Carl E. 2003. Spiritual Modeling: A Key Spiritual and Religious Growth. *The International Journal for the Psychology of Religion* 13 (3): 149-165.
- al-Qurtubi, Abu 'Abd Allah Muhammad Ahmad. 1996M/1416H. *al-Jāmi' li ahkām al-Quran*. Jil. 9 & 15. al-Gahirah: Dar al-hadith.
- al-Rāzi, Fakhr al-Din Muhammad 'Umar. 2000M/1421H. *Al-Tafsir al-Kabir aw Mafātih al-Ghayb*. Jil. 1, 2, 3, 6, 8, 15, 16, 20 & 21. Beirut, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ramayulis, H. `2004. Psikologi Agama. Jakarta: Kalam
- Sayyid Qutb. 2000M/1420H. *Fi Zilāl al-Qur 'ān di Bawah Bayangan al-Quran*. Terj: Yusoff Zaky Yacob. Jil. 1, 5, 10, 11, 12, 13, 16 & 17. Kuala Lumpur: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
- Schulte, Daniel L., Skinner, Tad A. & Claiborn, Charles D. 2002. Religious and Spiritual Issues in Counseling Psychology Training. *The Counseling Psychologist*. 30 (1): 118-134.
- Syed Najmuddin Syed Hassan. 2005. Hubungan Antara Faktor Kecerdasan Emosi, Nilai Kerja dan Prestasi Kerja di Kalangan Guru Maktab Rendah Sains Mara. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Jarir. 1992M/1412. *Tafsir al-Tabari al-Musamma Jāmi' al-Bayān fi Ta'wil al-Qur 'ān*. Jil. 1, 3, 7 & 8. Beirut, Lubnān: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Vaughan, F. 2002. What is Spiritual Intelligence. *Journal of Humanistic Psychology* 42 (2): 16-30.
- Wechsler, David. 1958. *The Measurement and Appraisal of Adult Intelligence*. 4th Ed.. Baltimore: William Wilkins.
- Yurdakul, Nilay (BASOK), Ker-Dincer, Mujde & Akinci Vural, Z. Beril. 2008. Searching for Excellence in Educational Communication: The Role of IQ, EQ and SQ. *Bilig* (45):147-164.
- Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad, Asyraf Ab. Rahman, Ideris Endot, Siti Nor Tijani Mohamad & Elmi Baharuddin. 2011. Tahap Kecerdasan Rohani Warga Tua Seri Kenangan Taman Kemumin dalam Dunia Komtemporari. Kertas Kerja, International Seminar on Da'wah. Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universitas Negeri Jakarta, Institut Kajian Rantau Asia Barat dan Kumpulan

Dakwah, Kerohanian dan Pembanguna Islam di Universitas Negeri Jakarta, 8-10 Julai.

Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad & Elmi Baharuddin. 2012. Religious Participations Among the Older Persons In Malaysia. *Advances in Natural and Applied Sciences Journal* 6 (3): 388-391.

Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad & Elmi Baharuddin. 2014. The Commitment of Older Persons in Nursing Homes in Religious Activities. *Middle East Journal of Scientific Research* 20 (12): 1734-1737.